



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC)

PELAKSANAAN PEMBIDAAAN TERBUKA PROJEK LOJI JANA KUASA SOLAR BERSKALA BESAR (*LARGE SCALE SOLAR-LSS*) PUSINGAN KETIGA

15 Februari 2019, Putrajaya - Selaras dengan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kapasiti penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) kepada 20% menjelang tahun 2025, Kerajaan telah membuka tawaran untuk membangunkan Projek Loji Jana Kuasa Solar Berskala Besar Pusingan Ketiga (*Large Scale Solar 3- LSS 3*), dengan jumlah kapasiti sebanyak 500MW di Semenanjung Malaysia. Ia dilaksanakan melalui proses pembidaan kompetitif dan terbuka.

Bagi memastikan mekanisme penawaran dibuat secara adil dan telus di samping berupaya memberikan kadar tarif yang terbaik supaya dapat dimanfaatkan oleh rakyat, Kerajaan turut memperkenalkan penambahbaikan untuk LSS3 seperti berikut:

- i. penawaran kuota berdasarkan julat kapasiti seperti dalam proses bidaan sebelum ini dimansuhkan untuk membolehkan pemaju membida pada kapasiti yang lebih tinggi;

- ii. had penawaran kuota kepada setiap pemaju ditingkatkan kepada 100MW dan tawaran kapasiti daripada 1MW hingga 100MW boleh dilaksanakan di satu lokasi ataupun secara agregat di lokasi yang berasingan, dengan tawaran tarif yang sama untuk kesemua lokasi atau berbeza bagi setiap lokasi. Ia bertujuan untuk memastikan pemaju projek mendapat kadar pembiayaan yang lebih baik daripada institusi kewangan melalui skala yang lebih besar dan seterusnya dapat menurunkan harga tarif elektrik yang ditawarkan;
- iii. Kerajaan telah menetapkan komponen *Engineering, Construction dan Commissioning* bagi projek LSS 3 perlu menggunakan sepenuhnya keupayaan tempatan dengan melantik kontraktor tempatan yang berdaftar dengan CIDB;
- iv. pembida yang berjaya boleh mengambil bahagian dalam pasaran *New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA)* yang dikendalikan oleh Jabatan Single Buyer bagi penjualan tenaga melebihi *Maximum Annual Allowable Quantity (MAAQ)*. Langkah ini akan memberikan nilai tambahan kepada pemaju projek kerana pendapatan tambahan boleh diperolehi melalui penjualan lebihan tenaga yang dijana.

Dengan kadar tarif yang ditawarkan oleh pemaju-pemaju solar pada kadar serendah 33.98sen/kwj di bawah LSS 2, Kerajaan yakin kadar ini akan turun ke tahap yang lebih rendah dan akan dapat menandingi kadar tarif yang ditawarkan oleh loji-loji jana kuasa yang menggunakan bahan api lain seperti gas dan arang batu menjelang tahun 2030 atau lebih awal daripada tempoh tersebut.

Melalui pelaksanaan LSS 3, setiap 1MW loji solar dijangka dapat menjana tenaga sebanyak 1,490MWj, yang berupaya membekalkan elektrik bagi kira-kira 160 rumah serta dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida (CO₂) sebanyak 1,034 tan/tahun yang bersamaan dengan jumlah penyerapan CO₂ oleh kawasan hutan seluas kira-kira 1,000 ekar. Oleh itu, pengurangan pelepasan CO₂ untuk jumlah 500MW dijangka dapat mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 517 kilotan/tahun. Daripada segi manfaat ekonomi pula, pelaksanaan projek LSS 3 mampu menjana pelaburan berjumlah RM2.0 bilion dengan mewujudkan 10,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Tempoh penjualan dokumen untuk *Request for Proposal (RFP)* bagi Proses Pembidaan kompetitif dan terbuka LSS 3 ialah pada 14 Februari 2019 sehingga 27 Februari 2019 dan boleh dibeli di alamat seperti berikut:

**Ibu Pejabat Suruhanjaya Tenaga
No 12, Jalan Tun Hussein,
Presint 2,
62100 Putrajaya.**

-TAMAT-

Maklumat lanjut sila hubungi:

Puan Siti Suhaila dan Puan Zairulliati
Suruhanjaya Tenaga
sitisuhaila@st.gov.my dan zairulliati@st.gov.my


Unit Komunikasi Korporat
MESTECC
03-88858299

SOLAR GRID PARITY COST

PENINSULAR MALAYSIA

14 FEBRUARY 2019

GRID PARITY TO REACH AROUND 29 SEN/KWH OF NEW SOLAR COST (UNDER REVIEW)



SCENARIO		GRID PARITY YEAR
—	Thermal + Hydro Average Cost @ Coal USD 104/tonne (ACP Q4 2018)	2030
⋯	Thermal Average Cost @ Coal USD 104/tonne (ACP Q4 2018)	2030
—	Thermal + Hydro Average Cost @ Coal USD 84/tonne (10 years average)	2032
⋯	Thermal Average Cost @ Coal USD 84/tonne (10 years average)	2032
—	Thermal + Hydro Average Cost @ Coal USD 60/tonne (20 years average)	2035
⋯	Thermal Average Cost @ Coal USD 60/tonne (20 years average)	2034

LSS 1 PRICE – PENINSULAR MALAYSIA

Package P1 1.00MW – 5.00MW

BIL.	KAPASITI (MW)	HARGA (RM/KWH)
1	3.996	0.4265
2	3.5	0.44
3	3	0.4495

Package P2 6MW – 29MW

BIL.	KAPASITI (MW)	HARGA (RM/KWH)
4	20	0.408
5	29	0.408
6	18.5	0.41
7	29	0.41
8	8	0.4195
9	10	0.43

Package P3 30MW – 50MW

BIL.	KAPASITI (MW)	HARGA (RM/KWH)
10	50	0.3995
11	50	0.4018
12	49	0.408
13	30	0.41
14	50	0.43

Total Capacity :
353.996MW

	Distribution Connected
--	---------------------------

	Transmission Connected
--	---------------------------

LSS 2 PRICE – PENINSULAR MALAYSIA

Package P1 1.00MW – 5.99MW

BIL.	KAPASITI (MW)	HARGA (RM/KWH)
1	4.00MW	0.383
2	5.99MW	0.389
3	3.00MW	0.398
4	5.00MW	0.405
5	5.00MW	0.4088
6	1.00MW	0.41

Package P2 6.00MW – 9.99MW

BIL.	KAPASITI (MW)	HARGA (RM/KWH)
7	9.900MW	0.37
8	9.990MW	0.375
9	6.800MW	0.38
10	9.900MW	0.389
11	9.990MW	0.398
12	9.980MW	0.398
13	9.990MW	0.4011
14	9.990MW	0.403

Package P3 10MW – 30MW

BIL.	KAPASITI (MW)	HARGA (RM/KWH)
15	30.000MW	0.3398
16	30.000MW	0.3485
17	30.00MW	0.3495
18	30.000MW	0.3549
19	30.000MW	0.3672
20	30.000MW	0.368
21	30.000MW	0.3698
22	25.00MW	0.3788
23	20.00MW	0.3799
24	30.00MW	0.38
25	30.00MW	0.38
26	29.990MW	0.38
27	29.916MW	0.388

Total Capacity :
475.436MW

	Distribution Connected
--	------------------------

	Transmission Connected
--	------------------------